

11 APR 1996

Mahathir-anugerah

ANUGERAH "THE DRAGON OF BOSNIA" UNTUK DR MAHATHIR

Oleh: Mokhtar Hussain

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan melawat tiga negara Balkan minggu depan akan menerima anugerah tertinggi "The Dragon of Bosnia" daripada kerajaan Bosnia-Herzegovina.

Dr Mahathir dijadualkan menerima anugerah itu pada satu upacara di pejabat Presiden di Sarajevo. Anugerah itu adalah untuk ketua-ketua kerajaan asing dan orang-orang kenamaan khas atas usaha mengeratkan hubungan persahabatan dengan republik itu.

Menurut seorang pegawai Wisma Putra hari ini, anugerah itu dinamakan sempena pejuang Bosnia abad ke-19, Captain Husein Gradasecevic yang dikenali sebagai "Dragon of Bosnia."

Antara pemimpin dunia yang telah menerima anugerah itu ialah Perdana Menteri Pakistan Benazir Bhutto.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata sungguhpun lawatan Perdana Menteri ke Croatia, Bosnia-Herzegovina dan Macedonia bertujuan mencari peluang perdagangan dan pelaburan, lawatannya ke Bosnia dijangka lebih merupakan misi untuk berbakti kepada negara itu yang mengalami kemusnahan akibat perang selama hampir lima tahun.

"Lawatan itu akan mencerminkan komitmen Malaysia sebagai negara yang benar-benar komited dan prihatin terhadap nasib rakyat Bosnia. Kita selama ini bukan sahaja menunjukkan simpati tetapi bertindak membuktikan komitmen seperti menghulur sumbangan dan menghantar tentera," kata Abdullah kepada wakil-wakil media yang akan membuat liputan lawatan Perdana Menteri.

Dr Mahathir akan melawat Croatia pada 18-19 April, Bosnia-Herzegovina 19-20 April dan Macedonia 20-21 April. Turut mengiringi beliau ialah 14 tokoh perniagaan Malaysia diketuai oleh Pengerusi HICOM Berhad Datuk Seri Yahaya Ahmad.

Semasa di Sarajevo, Dr Mahathir dijadualkan mengadakan pertemuan empat mata secara berasingan dengan Presiden Bosnia Alija Izetbegovic dan Perdana Menteri Hassan Muratovic. Perbincangan dijangka bertumpu kepada peranan yang boleh dimainkan oleh Malaysia dalam proses pembangunan semula Bosnia.

Perdana Menteri juga dijadualkan menyampaikan sumbangan derma Malaysia kepada kerajaan Bosnia.

Dalam lawatan singkat itu, Dr Mahathir akan turut mengambil kesempatan mengunjungi anggota-anggota tentera dan polis Malaysia yang sedang berkhidmat di negara itu.

Dua buah kereta Proton akan dipamerkan semasa lawatan itu ekoran minat kerajaan Bosnia untuk membeli kereta nasional itu untuk kegunaan Pasukan Pelaksana Damai (IFOR) dan tujuan pelancongan.

Semasa di Croatia, Perdana Menteri akan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Zlatko Matesa serta mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Presiden Franjo Tudjman.

Beliau juga akan merasmikan Pameran Barangan Malaysia di Zagreb serta menyaksikan upacara menandatangani perjanjian usahasama dan Memorandum Persefahaman antara syarikat-syarikat Malaysia dan Croatia.

Ketika di Macedonia, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan rasmi dengan Presiden Kerajaan Republik Macedonia Branko Crvenkovski serta melawat Bazaar dan Masjid Mustapha Pasha di Skopje. -- BERNAMA

MOK